

Majlis Berbuka Puasa

bersama **DYMM SULTAN SELANGOR & DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR** - 24 Mei 2018

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menghadiri majlis berbuka puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam di Masjid Al Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Pada majlis tersebut, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan zakat sebanyak RM27,200 kepada 57 asnaf pelajar UiTM.

Asnaf pelajar seramai 57 orang yang menerima sumbangan terdiri daripada 33 asnaf fakir, 11 asnaf fi sabilillah, 11 asnaf fakir dan dua asnaf saudara baharu.

Setiap asnaf terbabit menerima sumbangan zakat antara RM300 hingga RM900 seorang.

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin serta Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah serta diringi YAB Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Selangor serta isteri iaitu, YBhg Datin Seri Shamshida Taharin, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM dan Pro-Canselor UiTM serta pengurusan utama UiTM turut berangkat ke majlis berbuka puasa.

Pada majlis tersebut, DYMM Sultan Selangor berkenan untuk membaca Yassin bersama semua warga UiTM yang hadir dan berbuka puasa serta menunaikan solat Maghrib berjemaah diikuti solat Isyak dan terawih bersama para hadirin.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Satelit Pertama UiTM **UiTMSAT-1**

dilancarkan dari
Stesen Tentera Udara
**Cape Canaveral, Florida
USA**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) melakar sejarah apabila menjadi Universiti Awam pertama yang membina dan melancarkan satelit nano sulungnya iaitu 'UiTMSAT-1' ke angkasa lepas. UiTMSAT-1 telah dilancarkan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menerusi roket kargo *Space X Falcon 9* dari Stesen Tentera Udara Cape Canaveral di Florida, Amerika Syarikat kira-kira pukul 5.47 petang waktu tempatan.

Satelit nano berbentuk kiub berukuran 10 sentimeter itu dibina oleh dua pelajar UiTM di Jepun iaitu Syazana Basyirah Mohamad Zaki



dan Muhammad Hasif Azami, hasil jalinan kerjasama dengan *Kyushu Institute of Technology (KyuTech)* menerusi program '*Joint Global Multi-Nation (BIRDS-2)*'.

Pelancaran UiTMSAT-1 disaksikan Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Dekan FKE Prof Ir. Dr. Mohd Nasir Taib, Pengarah Pusat Komunikasi Satelit UiTM, Prof Ir. TS Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh serta pensyarah dan pelajar fakulti itu menerusi tayangan secara langsung dari ISS.





Universiti Teknologi MARA sekali lagi dinobatkan sebagai pemenang buat kali ketujuh berturut-turut untuk Emerald High Usage Award mengatasi 19 buah universiti lain dari seluruh dunia. UiTM berjaya menjadi institusi yang terbanyak membuat muat turun teks penuh dalam pangkalan data atas talian (PDAT) Emerald pada tahun 2017 dengan jumlah 1,143,941 mengatasi catatan muat turun yang direkodkan pada tahun sebelumnya iaitu 1,056,193. Peningkatan sebanyak 87,748 muat turun atau 8.31%.

Tempat kedua dimenangi oleh The Egyptian Knowledge Bank (EKB) Data Centre dengan jumlah muat turun sebanyak 573,892 manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Universitas Trisakti dengan jumlah muat turun sebanyak 329,022.



Kemenangan pada kali ini adalah lebih bermakna kerana UiTM juga dianugerahkan The Malaysian High Research Output Award berkongsi

ditempat ketiga bersama Universiti Utara Malaysia dengan pencapaian 66 orang penulis dalam Pangkalan Data Emerald bagi tahun 2017. The Malaysian High Research Output Award dianugerahkan kepada lima institusi di Malaysia yang mempunyai bilangan penulis yang tertinggi dalam PDAT Emerald.



& TADARUS PERDANA @WORLD #Quranhour PENYAMPAIAN BANTUAN AIDILFITRI 2018

TARIKH : 7 JUN 2018/ 22 RAMADHAN 1439H
TEMPAT : RUANG SOLAT TAMBAHAN, MASJID UiTM, SHAH ALAM
MASA : 4.30 PETANG



disertai oleh jabatan,
pusat tanggungjawab dan
fakulti.

Majlis dimulakan dengan
Majlis Khatam Al-Quran dan
diikuti dengan penyerahan
cek zakat daripada Badan
Korporat. Badan korporat
tersebut ialah Bank Islam
Malaysia Berhad (BIMB) dan
Koperasi Kakitangan UiTM
Berhad.

7 Jun 2018 - Bertempat di Masjid Al-Wathiquil
Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah
Alam, telah berlangsungnya Majlis Khatam
Al-Quran dan Sumbangan Bantuan Hari
Raya peringkat UiTM. Program Tadarus
Al-Quran sempena Malaysia #QuranHour
yang bermula 1 Ramadhan 1439H telah

Majlis tersebut diakhiri
dengan sumbangan bantuan raya kepada
warga UiTM terdiri daripada asnaf yang
layak menerima bantuan zakat. Sumbangan
telah disampaikan oleh Naib Canselor
UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.
Penerima bantuan telah menerima cek
daripada Pusat Zakat, Wakaf dan Sedekah.





PERWIRA di *Hari Raya Aidilfitri*



Pada 8 Jun 2018 bersamaan 23 Ramadhan 1439H seramai 50 orang anggota Polis Bantuan UiTM telah menerima sumbangan hamper sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sumbangan diberikan kepada anggota Polis Bantuan yang bertugas semasa cuti perayaan sebagai tanda berterima kasih dan menghargai pengorbanan mereka.

Hamper disumbangkan oleh pihak UiTM Holding Sdn Bhd telah disampaikan sendiri oleh YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM kepada anggota Polis Bantuan yang terlibat. Prof. Ir. Dr. Hj. Suhaimi Abdul Talib, *Interim Group Chief*



Executive Officer, UiTM Holdings Sdn. Bhd dan Prof. Ts. Dr Hj. Kamal Haji Harun, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa turut hadir pada majlis tersebut. Majlis penyerahan ini diadakan di hadapan pintu masuk utama UiTM.





Rewang RAMADHAN

Bagi menyemarakkan bulan Ramadhan pada tahun ini sekali lagi Bahagian Canseleri dengan kerjasama *Intekma Resort & Convention Centre* telah mengadakan Majlis Rewang Ramadhan beramai-ramai melibatkan semua kakitangan dibangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin.

Majlis yang diadakan pada 8 Jun 2018 ini mendapat sokongan daripada semua

kakitangan yang bersama-sama memasak bubur lambuk daripada awal penyediaan bahan sehingga bubur diedarkan kepada staf dan para pelajar untuk berbuka puasa.

Majlis tersebut diadakan bagi memberi sumbangan kepada staf dan pelajar pada bulan Ramadhan serta mengeratkan silaturrahim antara staf dibangunan Canseleri.



MoU antara UiTM & IUKL





Pada 6 hingga 24 April 2018 telah berlangsungnya Kejohanan Sukan antara kolej-kolej kediaman UiTM Shah Alam dan pelajar *non-resident* yang tinggal diluar kampus. SUKOL bertempat di Pusat Sukan UiTM Shah Alam dan kawasan sekitar kampus. Sebanyak 26 acara dipertandingkan pada kejohanan kali ini merangkumi kategori berpasukan dan kategori individu.

Selain mengeratkan ikatan silaturrahim dan mewujudkan persaingan sihat di kalangan pelajar kampus, SUKOL yang dianjurkan setiap tahun ini menjadi ruang untuk mengenalpasti bakat-bakat baru yang berpotensi untuk diketengahkan bagi mewakili universiti. Majlis perasmian penutup SUKOL telah diadakan pada 3 Mei 2018 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) dan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).





SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Jacob
Manurul Asikin Tukiran
Nur Idune Hayana Che Mohd

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUiTM

 UiTM *di hatiku*
YouTube

 www.uitm.edu.my

 **UiTM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

